

15 JUL 2003

Adnan-Pembangunan

KERJASAMA SEMUA PIHAK BANTU BERI PENERANGAN PENTINGNYA PEMBANGUNAN

KUANTAN, 15 Julai (Bernama) -- Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi kerajaan yang lain perlu aktif bertindak dan mengadakan hubungan secara langsung dengan masyarakat setempat bagi memberi penerangan pentingnya pembangunan serta perancangan struktur sesuatu kawasan.

Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob berkata masalah utama dalam menyediakan pembangunan di sesebuah kawasan ialah menukar minda rakyat untuk menerima pembaharuan.

"Menukar minda adalah cabaran yang besar kerana bukan semua masyarakat dapat menukar minda menerima pembaharuan dan pembangunan," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian borang perumahan dan peletakan batu asas projek perumahan Permatang Pak Mahat di Kampung Kempadang, di sini petang semalam.

Pada majlis itu, 64 orang peserta menerima borang bagi projek perumahan rakyat di Kampung Kempadang.

Projek perumahan yang melibatkan pembinaan 832 unit rumah teres itu telah dimulakan pada Ogos tahun lepas dan dijangka siap sepenuhnya penghujung tahun depan.

"Rumah ini akan disewakan kepada yang memerlukan sebelum mereka dapat membeli rumah sendiri dengan kadar sewa RM150 sebulan dan ia terbuka kepada sesiapa sahaja, tapi kalau dah dapat rumah kena kosongkan dan beri sewa pada orang lain pula," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau menasihatkan penduduk kampung agar tidak bertindak melulu menjual tanah kerana kerajaan akan tetap berusaha untuk membantu memajukan tanah mereka termasuk menyediakan kemudahan infrastruktur.

Dalam majlis itu, Adnan turut menyampaikan sumbangan berbentuk hamper makanan kepada 100 ibu tunggal dari enam buah kampung berdekatan iaitu Kampung Peramu, Kampung Anak Air, Kampung Sungai Soi, Kampung Telok Baru, Kampung Kempadang dan Kampung Tanjung Lumpur.

-- BERNAMA

LIB ROS